

KHAIRANI BINTI ZAKARIYA @ ABD HAMID

Kaedah Pembangunan Akhlak Remaja Menurut Imam al-Ghazali: Aplikasinya dalam Program Tarbiah Sekolah-sekolah Menengah Aliran Agama Berasrama di Negeri Kedah, Malaysia

IKHTISAR: Kertas ini membincangkan kaedah pembangunan akhlak remaja menurut seorang tokoh ilmuwan Islam, iaitu Imam al-Ghazali. Kertas ini turut menyingkap siapakah tokoh terulung ini dan sejauh manakah kaedah pembangunan akhlak yang diperkenalkannya dalam kitab masyhur, “Ihya’ Ulum al-Din”, diaplikasikan dalam program tarbiah di sekolah-sekolah menengah aliran agama berasrama di Negeri Kedah, Malaysia. Kajian dijalankan dengan menggunakan borang soal selidik yang diedarkan kepada 11 orang wakil guru dan 602 orang pelajar remaja dari 11 buah sekolah di Negeri Kedah. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa kaedah pembangunan akhlak yang dicetuskan oleh Imam al-Ghazali memang diguna-pakai dan diamalkan oleh para pendidik dalam program tarbiah sekolah agama di Negeri Kedah dengan skor min keseluruhan sebanyak 4.21, iaitu pada tahap yang tinggi.

KATA KUNCI: Imam al-Ghazali, pembangunan akhlak, remaja, kitab “Ihya’ Ulum al-Din”, dan program tarbiah.

ABSTRACT: This paper discusses the methods of moral development of teenagers according to a prominent Islamic scholar, Imam al-Ghazali. This paper also reveals who is this great scholar and what are the methods of moral development that was introduced in his famous book, “Ihya’ Ulum al-Din”. This paper also ensures which methods are applied to overreach programs in residential schools of religious in the State of Kedah, Malaysia. The study was conducted by using questionnaires that were distributed to 11 teachers and 602 students from 11 schools in the State of Kedah. The results showed that the method of moral development triggered by Imam al-Ghazali was adopted and practiced by teachers in the overreach programs with an overall mean score of 4.21, which is at a high level.

KEYWORD: Imam al-Ghazali, moral development, teenager, “Ihya’ Ulum al Din”, and overreach program.

Khairani binti Zakariya @ Abd Hamid ialah Calon Ijazah Tinggi Tamadun Islam, Bahagian Falsafah dan Tamadun, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan USM (Universiti Sains Malaysia), 11800 Minden, Pulau Pinang, Malaysia. E-mail: khairani3@gmail.com

PENGENALAN

Remaja merupakan aset penting dalam Islam. Sejarah mencatatkan bahawa kegembilangan Islam bermula dari tangan generasi muda yang memperjuangkan agama yang dibawakan oleh Baginda Nabi Muhammad SAW (*Salallahu 'Alaihi Wassalam*) ini. Masa muda adalah masa yang penuh kekuatan dan dinamisme yang memancar. Oleh itu, seharusnya remaja ini dididik, dibimbing, dan diasuh dari kecil dengan pendidikan yang tersusun rapi untuk melahirkan generasi *rabbani*.

Imam al-Ghazali bukan nama baru dalam bidang pendidikan dan falsafah Islam. Malah, idea yang diutarakannya amat bernas dan mendalam sehingga sering menjadi rujukan bagi umat Islam dan bukan Islam. Imam al-Ghazali juga pakar dalam pelbagai bidang keilmuan lain seperti tasawuf, akidah, *fiqh*, ilmu kalam, dan politik.

Idea Imam al-Ghazali diguna-pakai dalam kajian ini kerana beliau banyak mengutarakan pandangan tentang konsep akhlak dan pendidikan akhlak manusia. Malah, metodologi pendidikan dan pembentukan akhlak baginya haruslah bersifat teoritikal dan praktikal. Bagi beliau, kaedah pendidikan akhlak manusia haruslah bermula daripada peringkat bayi dan seterusnya berkembang hingga ke peringkat remaja, dewasa, dan lanjut usia (Fahmy Zarkasyi, 1990; dan Suhid, 2009).

OBJEKTIF DAN METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini adalah bertujuan untuk: (1) Meneliti sejarah hidup Imam al-Ghazali secara ringkas; (2) Mengupas kaedah pembangunan akhlak remaja menurut Imam al-Ghazali; serta (3) Mengenal pasti sejauh mana kaedah pembangunan akhlak remaja menurut Imam al-Ghazali diaplikasikan dalam program tarbiah di sekolah-sekolah menengah aliran agama berasrama di Negeri Kedah, Malaysia

Kajian ini adalah tinjauan yang berbentuk deskriptif. Kajian kuantitatif pula dijalankan dengan menggunakan set borang soal selidik yang diedarkan kepada 11 orang wakil guru dan 602 orang pelajar remaja antara usia 14 hingga 16 tahun dari 11 buah sekolah aliran agama di Negeri Kedah, Malaysia. Kajian dilakukan di lokasi yang berbeza, iaitu sekolah bandar dan sekolah luar bandar. Sebelas buah sekolah yang terpilih mewakili setiap kategori sekolah aliran agama di Kedah, Malaysia, iaitu:

Pertama, sekolah dibawah pentadbiran kerajaan Pusat atau Kementerian Pelajaran Malaysia, iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Agama atau SMKA (Umar & Hussin, 2007); Sekolah Berasrama Penuh Integrasi atau

SBPI (BPSBPSK, 2011); dan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan atau SABK¹ (KPM, 1996).

Kedua, sekolah yang ditadbir oleh kerajaan Negeri tetapi kuasa Lembaga Pengelola Sekolah (LPS) masih wujud, iaitu Sekolah Agama Negeri (SAN). Di Negeri Kedah, Malaysia, SAN hanyalah Maktab Mahmud atau dikenali sebagai Al-Ma'ahad al-Mahmud (Umar & Hussin, 2007).

Ketiga, sekolah persendirian yang menawarkan pendidikan formal dan sepenuh masa di peringkat rendah dan menengah dalam bidang agama Islam dan tertakluk di bawah Enakmen Negeri dan perlu berdaftar dengan Jabatan Agama Islam Negeri. Ia juga bukan sekolah agama kerajaan Negeri atau Majlis Agama Islam Negeri dan bukan juga sekolah agama di bawah kerajaan Pusat. Sekolah ini memperolehi sumber kewangan daripada derma, harta wakaf, yuran persekolahan, bantuan kerajaan Negeri, Majlis Ugama dan Pejabat Zakat, serta bantuan daripada Kementerian Pelajaran Malaysia. Dikenali sebagai Sekolah Agama Rakyat atau SAR (BPIKPM, 1990; dan Yahaya, 1997).

Data yang diperolehi daripada borang soal selidik dianalisis dengan menggunakan *Statistical Package for Social Science* (SPSS) versi 15.0 dengan menggunakan statistik deskriptif bagi menilai petunjuk-petunjuk seperti min dan sisihan piawai untuk menyatakan ciri-ciri sesuatu variabel.

MENGENAI IMAM AL-GHAZALI

Al-Ghazali adalah nama yang tidak asing lagi. Beliau merupakan seorang tokoh yang terkenal di dunia akademik antarabangsa (Fauzi Hamat, 2005). Beliau juga adalah seorang tokoh pemikir agung dan reformis dalam sejarah Islam (al-Quasem, 1975).

Nama dan Kelahiran. Nama sebenar Al-Ghazali ialah Abu Hamid bin Muhammad bin Muhammad bin Muhammad bin Ahmad al-Ghazali al-Tusi al-Syafi'i (al-Badawi, 1961; Brill, 1987; dan Ibn Khallikan, 1994). Beliau dilahirkan pada tahun 450 Hijrah atau 1058 Masihi di perkampungan Ghazalah, Tus, Khurasan, iaitu di Timur Laut Iran (dulunya Parsi). Sesetengah penulis

¹Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) berasal daripada Sekolah Agama Rakyat (SAR). Apabila sistem bantuan perkapita telah dihentikan oleh kerajaan Pusat pada tahun 2002, maka bermulalah satu sejarah berakhirnya bantuan kepada SAR sejak ia dimulakan pada tahun 1957. Bagaimanapun, satu langkah baru untuk mengatasi masalah SAR pada masa ini adalah dengan mendaftar sekolah tersebut sebagai Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). SABK berdaftar dengan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dan ditadbir secara bersama antara KPM, Lembaga Pengelola Sekolah (LPS), dan juga Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN).

mencatatkan nama beliau sebagai “Al-Ghazzali”, dengan dua “z”, yang dikaitkan dengan pekerjaan bapanya sebagai pemintal benang bulu (Khalif, 1974). Manakala ramai pula yang menyebutnya “Al-Ghazali”, dengan satu “z”, sempena nama kampung kelahirannya, iaitu Ghazalah (Watt, 1963; dan Ibn Khallikan, 1994). Beliau sering dirujuk dengan beberapa gelaran seperti *Hujjah al-Islam* atau *the Proof of Islam*, *Zayn al-Din* atau *the Ornament of Religion*, dan *Al-Naysaburi* (Smith, 1983).

Kehidupan dalam Menuntut Ilmu. Imam al-Ghazali juga mendapat pendidikan dalam bidang spiritual dan tasawuf daripada seorang guru bernama Yusuf al-Nassaj di Jurjan, sehingga beliau mampu membiasakan diri dengan kehidupan spiritual dan kebaikan, malah mencapai tingkat *arifun* dalam ilmu sufi (Watt, 1963; al-Quasem, 1975; dan Smith, 1983). Sewaktu di Naysabur pula, beliau turut didedahkan tentang ilmu-ilmu kerohanian dan spiritual dengan seorang guru bernama Abu ‘Ali al-Farmadhi (m. 477 H / 1084 M), seorang Profesor di Naysabur dan bekas anak murid bapa saudara Imam al-Ghazali (Watt, 1963; Ibn al-Jawzi, 1992; dan al-Syami, 2004). Daripada Abu ‘Ali al-Farmadhi, Imam al-Ghazali mempelajari ilmu tasawuf serta beberapa asas teori dan praktis ilmu tasawuf (Smith, 1983; Ibn al-Jawzi, 1992; Abu Sway, 1996; dan Fauzi Hamat, 2005). Justeru, bukanlah suatu perkara yang ganjil jika dalam kehidupan seterusnya, Imam al-Ghazali lebih menumpukan teori dan amalannya dalam bidang spiritual, kerana semenjak kecil lagi beliau telah mendapat banyak pendedahan dalam bidang tersebut (Hanin Hamjah, 2010).

Imam al-Ghazali mempelajari ilmu usuluddin dan fikh Syafi’i daripada Syaikh Ahmad ibn Muhammad ar-Radzakani di kota Thusi. Kemudian beliau berangkat ke Jurjan untuk berguru dengan Imam Abu Nashr al-Isma’ili dan menulis buku *At-Ta’liqat*. Kemudian beliau pulang ke Thusi (al-Subki, 1992; dan Khalili Shamsuddin, 1992). Walaupun begitu, guru yang paling banyak berjasa kepada beliau adalah Imam Haramain al-Juwaini, seorang ahli teologi Asy’ariyah yang terkemuka pada masa itu. Sehingga beliau akhirnya dapat menguasai dengan sangat baik fiqh mazhab Syafi’i dan fikh khilaf, ilmu perdebatan, *ushul*, *manthiq*, hikmah, dan filsafat. Beliau juga memahami pandangan para ahli ilmu tersebut dan berdebat dengan orang yang membangkangnya (al-Subki, 1992:191).

Kecintaan Imam al-Ghazali terhadap ilmu pengetahuan begitu mendalam dan telah mendorongnya mengembara dan merantau ke serata tempat dan negeri untuk berguru dengan ulama-ulama besar yang hidup sezaman dengannya.

Kerjaya. Pada tahun 475 H (Hijriah), pada usia 25 tahun, Imam al-Ghazali dilantik menjadi ketua di bawah pimpinan gurunya, iaitu Imam Haramain

al-Juwaini. Ini telah menjulang tinggi namanya, apatah lagi selepas itu beliau dilantik menggantikan gurunya. Menetap di Naysabur adalah batu loncatan bagi Imam al-Ghazali untuk meningkat naik dan menjadi masyhur. Sambil belajar, beliau diangkat pula menjadi Penolong Profesor oleh Imam Haramain al-Juwaini. Setelah gurunya meninggal dunia pada tahun 478 H, beliau telah dilantik menjadi Rektor bagi menggantikan gurunya itu (Aziz & Wan Muhamad, 2002:22).

Atas desakan penguasa pada masa itu, Imam al-Ghazali telah kembali mengajar di Sekolah Nizamiyah di Naysabur pada tahun 499 H. Tetapi hanya berlangsung selama dua tahun sahaja. Beliau kemudiannya mendirikan sebuah sekolah untuk para *fuqaha'* atau ahli-ahli fikh dan sebuah pusat untuk *mutasawwifin* atau ahli-ahli tasawuf (Aziz & Wan Muhamad, 2002:22).

Akhir Kehidupannya. Pada akhir hayatnya, Imam al-Ghazali kembali kepada ajaran *Ahl al-Sunnah wal-Jama'ah* dengan meninggalkan filsafat dan ilmu kalam dan menekuni kitab *Shahih Bukhari* dan *Muslim*. Beliau meninggal dunia di kota Thusi menjelang Subuh, hari Isnin 14 Jamadil Akhir tahun 505 H pada usia 54 tahun. Beliau dikuburkan di pekuburan Ath Thabaran (al-Subki, 1992:201).

Karya-karyanya. Imam al-Ghazali ialah seorang yang sangat produktif menulis. Beliau memiliki kehebatan yang luar biasa dengan menghasilkan karya ilmiah begitu banyak sekali. Menurut catatan Sulayman Dun-Ya, karangan Imam al-Ghazali mencapai jumlah sebanyak 300 buah (dipetik oleh al-Syami, 2004). Hampir keseluruhan kitabnya berkisar tentang persoalan agama yang merupakan aspek penting yang difikirkannya setiap hari. Beliau mula mengarang pada usia 25 tahun ketika di Naysabur sehingga ke akhir hayatnya, iaitu selama 30 tahun. Dalam konteks ini, Dr. Zaki Mubarak, dalam bukunya *Al-Akhlaq Indal Ghazali*, menyatakan bahawa secara puratanya Imam al-Ghazali mengarang setiap hari lebih kurang empat muka surat (dipetik oleh al-Syami, 2004).

Walau bagaimanapun, buku yang dihasilkan oleh Imam al-Ghazali hanya tinggal 65 buah, ditambah dengan 23 buah yang berbentuk pamphlet, dan 4 brosur. Hasil karangan lain banyak dimusnahkan dan dibuang ke laut atau dibakar hangus oleh pemerintah Tatar-Moghul (Aziz & Wan Muhamad, 2002:23).

Di antara karya-karya Imam al-Ghazali yang terkenal ialah: (1) bidang falsafah, seperti *Maqasid al-Falasifah*, *Tahafut al-Falasifah*, dan *Al-Ma'arij ul-Aqaliyah*; (2) bidang pembangunan agama dan akhlak, seperti *Ihya' Ulum al-Din*, *Al-Munqiz Min al-Dhalal*, *Mizan al-Amal*, *Kimiya al-Sa'adah*, *Minhaj al-Abidin*, *Kitab al-Arbain*, *At-Tribul Masbuk fi Nasihat al-Muluk*, *Al-Mustashfa fi*

al-Usul, Misykatul Anwar, Al-Munqid min al-Dhalal, Ayyuhul Walad, Al-Adab fi al-Din, dan Ar-Risalah al-Laduniyah; (3) bidang politik yang berkaitan dengan kenegaraan, seperti Mustazh-hiri, Al-Munqiz min al-Dhalal, At-Tibr ul-Masbuk fi-Nasihat al-Muluk, Sirr al-Alamain, dan Fatihah al-Ulum. Manakala yang berkaitan politik pemerintahan adalah Al-Iqtishad fi al-I'tikad, Al-Wajiez, Suluk al-Sultaniyyah, Bidayat al-Hidayah, dan Nasihat al-Muluk; serta (4) bidang usuluddin dan akidah, seperti Arba'in fi Ushuliddin yang merupakan juz kedua dari kitab beliau Jawahirul Qur'an, Qawa'idul Aqa'id yang beliau satukan dengan Ihya' Ulumuddin pada jilid pertama, Al Iqtishad fil I'tiqad, dan Faishal at-Tafriqah Bainal Islam wa Zanadiqah (Aziz & Wan Muhamad, 2002:23-25).

Ini adalah sebahagian karya Imam al-Ghazali. Hebatnya ulamak ini, kerana beliau dapat menguasai pelbagai bidang keilmuan. Banyak lagi karya beliau yang tidak dapat ditonjolkan. Lebih malang lagi, banyak karya beliau yang hilang semasa tentera Tatar-Moghul menyerang Baghdad pada kurun ke-13 Masihi.

PEMBANGUNAN AKHLAK REMAJA

Rasulullah SAW (*Salallahu 'Alaihi Wassalam*) membangunkan sahsiah umatnya dengan komponen asas Islam, iaitu akidah, syariah, dan akhlak. Ini menunjukkan kedudukan akhlak amat penting sebagai salah satu daripada tunjang Islam itu sendiri (Akram Dahaman @ Dahlan & Dahaman @ Dahlan, 2009:5-6). Rasulullah SAW apabila ditanya maksudnya, “Apakah al-Din itu?” Lalu Baginda menjawab yang bermaksud, “Al-Din ialah akhlak yang baik” (al-Subki, 1992). Sabdanya lagi, “Sebaik-baik iman orang mukmin itu ialah yang paling tinggi akhlaknya” (al-Sajisstani, 1996).

Bersabit akhlak yang baik dan mulia ini, Yusuf al-Qaradhawi ada menyatakan seperti berikut:

Akhlik mulia merupakan satu juzuk utama daripada pembentukan masyarakat Islam. Terserlah daripada amalan mereka sifat adil, suka melakukan kebaikan, dan bersifat kasihan belas kepada orang lain. Dia bercakap benar, amanah, sabar, menepati janji, mulia, dan menjaga maruah diri. Terserlah dalam interaksi mereka dengan orang lain sifat rendah hati, pemurah, berani, enggan melakukan kejahanan, dan suka berkorban. Dia bersedia menghulurkan bantuan dengan kadar segera. Penampilannya bersih dan bersikap sederhana dalam segala segi. Dia suka memaafkan orang lain, memberi nasihat, boleh bekerjasama, membenci segala yang diharamkan Allah SWT (*Subhanahu Wa-Ta'alha*). Dia berupaya menundukkan nafsu syahwat dan sifat marah. Impiannya ialah berusaha melakukan sebanyaknya pelbagai amal kebaikan, mengutamakan orang lain berbanding diri sendiri, serta melakukan kebaikan kepada seluruh mahluk Allah SWT (al-Qaradhawi, 1993).

Menurut Imam al-Ghazali, akhlak adalah sifat yang tertanam dalam jiwa dan tanpa memerlukan sebarang pertimbangan, sifat tersebut mendorong ke arah pelbagai perbuatan yang baik dan yang buruk (al-Ghazali, 2003).

Pembangunan akhlak yang dilaksanakan menurut perspektif Islam tumbuh dan berkembang dalam rangka syariat Allah SWT berdasarkan akidah, dikawal oleh syariat, dan dihiasi dengan adab sopan dan akhlak. Hanya kemajuan dan pembangunan yang menepati syariat Ilahi sahaja yang mampu membawa manusia mencapai kesejateraan di dunia dan di akhirat. Jika sebaliknya, pasti akan mengundang keruntuhan dan kecelakaan di dunia dan akhirat (Awang, 2003).

Sempurnanya kejadian manusia itu kerana manusia mempunyai roh dan jasad. Seterusnya, menurut ahli psikologi Islam, manusia merupakan insan sempurna dan mulia kerana dibekalkan rohani, jasmani, hati, dan akal. Oleh itu, jelas bahawa penciptaan manusia meliputi aspek rohani dan jasmani. Implikasinya, apabila manusia itu hendak dididik dan dibangunkan, maka tidak dapat tidak kedua-dua elemen ini perlu diambil kira dan diberi perhatian agar sempurna dan berjaya (Suhid, 2009). Ini kerana kejayaan dan kebahagiaan hakiki kehidupan adalah berpunca daripada tingkah-laku moral dan akhlak yang mulia dan sebaliknya.

Menurut kajian Imam al-Ghazali, akhlak yang paling utama (*ummahatul fadha'il*) dibahagikan kepada empat, iaitu: (1) *Al-hikmah* atau kebijaksanaan dalam mengendalikan diri seseorang daripada hawa nafsu. Hidupnya akan sentiasa terkawal dan memiliki motivasi yang kuat untuk memperolehi kejayaan dan kebahagiaan dalam hidup; (2) *Al-Adlu* atau jiwa yang dapat mencegah kemarahan dan hawa nafsu untuk mencapai hikmah. Sifat ini dapat membimbing ke arah keselamatan, ketenteraman, dan kebahagiaan; (3) *Al-Saja'ah* atau keberanian, iaitu teguh hati dalam membela dan mempertahankan kebenaran, tidak berundur apabila dicela, dan tidak meninggi diri apabila dipuji. Sifat ini mampu membuatkan manusia tekun bekerja dengan penuh keikhlasan, tanpa rasa bosan atau malas; serta (4) *Al'Iffah* atau menjaga diri daripada perbuatan maksiat dan menjauhi diri dari perbuatan tidak baik (dipetik oleh Sa'id ibn Qasim, 1995).

Ini bermaksud bahawa keluhuran budi pekerti berpunca dari kesederhanaan dalam kekuatan akal fikiran, kesempurnaan kebijaksanaan, pertengahan dalam kekuatan marah, dan keinginan syahwat dalam keadaan kedua-duanya patuh dan tunduk kepada pertimbangan akal fikiran dan batasan *syara'* (Sa'id ibn Qasim, 1995).

KAEDAH PEMBANGUNAN AKHLAK REMAJA MENURUT IMAM AL-GHAZALI

Imam al-Ghazali pula meletakan lima faktor yang boleh mempengaruhi pembangunan akhlak seseorang, iaitu: (1) *Tazkiyyah al-Nafs* atau pembersihan jiwa; (2) *Mujahadah* atau melawan hawa nafsu; (3) Melazimi amalan kebaikan; (4) Membuat sesuatu yang bertentangan dengan akhlak yang buruk; dan (5) *Muraqabatullah* atau pengawasan diri terhadap Allah SWT (al-Ghazali, 2003:10). Huraian selanjutnya adalah seperti berikut:

Pertama, *Tazkiyyah al-Nafs* atau pembersihan jiwa. Dari sudut bahasa, *tazkiyyah* bermaksud penyucian, pembersihan, dan penyuburan diri serta penyingkiran segala bentuk perkembangan yang tidak dikehendaki dan segala perkara yang tidak baik (Ansari, 1983:10). Dari segi istilah, *tazkiyyah* mengandungi makna suatu usaha gigih dan bersungguh-sungguh untuk membersih dan menyucikan diri seseorang manusia dari sifat-sifat buruk dan keji (*mazmumah*) yang menjadi penghalang kepada penyuburan akhlak mulia (*mahmudah*) seseorang insan (Ansari, 1983:11). Seterusnya, penyucian diri itu diikuti dengan usaha pengisian dan perhiasan diri supaya proses tersebut menjadi lebih sempurna (Ansari, 1983:11; dan Zarrina Sa'ari, 2007).

Justeru, dapat difahami bahawa *tazkiyyah* melibatkan proses usaha dan kesungguhan seseorang insan dalam menyelesaikan konflik antara baik dan buruk yang wujud dalam jiwnya atau *nafs* (Zarrina Sa'ari, 2007). Jiwa atau *nafs* dalam Bahasa Arab, dan dalam Bahasa Inggeris disebut sebagai *soul*, secara umumnya boleh difahami sebagai suatu jirim halus yang bergerak memberi kekuatan kepada kehidupan dan perasaan serta kehendak-kehendak yang ada pada diri manusia (Al-Jurjani, 2000:239). Firman Allah SWT (*Subhanahu Wa-Ta'alá*) dalam Surah al-Baqarah (2:235) bermaksud: “*Ketahuilah! Sesungguhnya Allah mengetahui apa yang terdapat di dalam jiwa kamu (anfusikum), maka hendaklah kamu berhati-hati*” (dipetik oleh al-Ghazali, 2003).

Nafs atau jiwa ini merupakan suatu hasrat yang mencetuskan nilai-nilai kekuatan pada diri seseorang insan bagi mencapai naluri kemahuannya. Setiap yang dihasilkan melalui amal perbuatan merupakan lukisan kehidupan yang bermula dari suatu perasaan yang mengalir dalam jiwa untuk diterjemahkan menjadi kenyataan melalui perbuatan, kerana perbuatan manusia biasanya menurut acuan hasil dari perasaan jiwa yang terpendam di dalam hati. Atau dengan kata lain, jiwa ialah suatu bentuk ukiran pemikiran dan cita-cita, sama ada yang baik mahupun buruk terkandung di dalam hati. Al-Qur'an al-Karim banyak memberikan inspirasi kepada manusia berkenaan *nafsu* ini (Zarrina Sa'ari, 2007).

Menurut Imam al-Ghazali (2003), ada 3 faktor utama yang boleh mempengaruhi personaliti seseorang, iaitu nafsu, hati, dan akal. Mengenai nafsu-nafsu (*tabii* keinginan) ini yang membentuk personaliti berbeza: (1) Nafsu *amarah*: Individu yang melakukan sifat-sifat yang jahat dan rosak; (2) Nafsu *mutmainnah*: Dapat menahan keinginan nafsu syahwat dan mencapai ketenangan; (3) Nafsu *mardiah*: Individu yang lemah-lembut dalam tutur-kata, menerima kehendak dan ketentuan Allah SWT dan bersyukur, serta merasa puas dengan apa yang ada; serta (4) Nafsu *kamilah*: Hanya diperoleh oleh para Rasul yang mempunyai sifat kesempurnaan.

Mengenai hati atau rohani manusia berpusat kepada naluri rasional. Sejauh mana hati menghayati risalah Allah SWT akan dapat menentukan kualiti hati individu. Terdapat tiga jenis hati yang membentuk personaliti yang berbeza: (1) Hati *qalbun*: Belum kukuh dengan tuntutan agama dan memerlukan akal untuk memandu ia bertindak; (2) Hati *faadun*: Hati individu yang sudah ada keyakinan terhadap risalah Allah SWT; dan (3) Hati *lubbun*: Hati yang kukuh dapat melahirkan cetusan hati yang rasional dan ikhlas untuk membimbing akal.

Manakala mengenai akal, ianya merupakan anugerah Allah SWT kepada manusia, kerana keupayaan intelek yang membolehkan manusia berfikir secara rasional. Terdapat tiga jenis akal yang membentuk personaliti berbeza: (1) Akal biasa: Percaya pada apa yang dilihat dan menolak perkara yang abstrak; (2) Akal *taakul*: Menganalisis berdasarkan sebab-musabab, jenis akal yang sederhana; dan (3) Akal *tadabbur*: Berfikir secara ikhlas dan rasional berpandukan kekuatan iman dan akal.

Kesimpulannya, interaksi antara hati, nafsu, dan akal amat penting dalam melakukan sesuatu perkara. Apabila akal *tadabbur* bercampur dengan hati *lubbun* dan nafsu *mardiah*, maka akan dapat melahirkan persoanaliti remaja unggul. Tetapi, jika manusia mempunyai akal *taakul*, hati *faadun*, dan nafsu *mutmainnah*, maka ia akan mewujudkan personaliti seimbang. Manakala insan yang mempunyai akal biasa, hati *qalbun*, dan nafsu *amarah* akan ditimpa personaliti yang bercelaru (Zainal & Wan Hasan, 2009:11).

Jadi, *Tazkiyyah al-Nafs* adalah proses pembersihan jiwa yang merupakan kunci utama dalam pembentukan akhlak yang baik. Hati manusia ibarat raja di dalam badan dan anggota lain, umpama tentera yang bersedia menerima arahan untuk bertindak. Jika hati manusia bersih, maka sudah tentu arahan yang baik sahaja dikeluarkan. Jika tidak, pasti arahan tersebut akan dikuasai unsur negatif, maka bertindaklah anggota untuk melakukan keburukan dan kejahanan (al-Ghazali, 2003:79-81).

Oleh itu, Imam al-Ghazali memandang amat serius kepada perlunya hati dan jiwa dibersihkan dahulu supaya segala unsur negatif seperti marah,

syahwat, dan emosi dapat dikekang dan dikawal berdasarkan petunjuk Ilahi. Di samping itu juga, hati perlu disuburkan dengan sifat *mahmudah* seperti sifat sabar, taubat, amanah, bertanggung jawab, berfikiran luas, hikmah, *tawadhus*, ikhlas, cintakan Allah SWT, dan sebagainya (al-Ghazali, 2003:79-81).

Taklif suruhan seperti solat, puasa, tilawah al-Qur'an, zikir, tafakur, mengingati mati, koreksi diri (*muhasabah*), mendekatkan diri kepada Allah SWT (*muraqabah*), melawan hawa nafsu (*mujahadah*), menyuruh kebaikan (*amar makruf*) dan mencegah kemungkaran (*nahi mungkar*), serta *tawadhus* dan rendah diri juga dapat memberi kesan secara langsung kepada usaha pembersihan jiwa ini. Taklif larangan pula melibatkan proses pencegahan yang bersangkutan dengan tujuh anggota lahir manusia, iaitu mata, telinga, lidah, perut, organ seks, tangan, dan kaki. Ia perlulah dbersihkan daripada perlakuan yang bertentangan dengan syariat Islam (al-Ghazali, 2003:80-82).

Kedua, *Mujahadah* atau melawan hawa nafsu. *Mujahadah* adalah melawan hawa nafsu semaksima mungkin sifat *mazmumah* (buruk dan keji) agar ia menjadi stabil dan dapat diarahkan kepada pembinaan peribadi yang luhur. Imam al-Ghazali memberi perhatian yang sangat mendalam untuk melakukan *mujahadah* yang berterusan berteraskan kekuatan jiwa yang jitu untuk menghadapi sifat *mazmumah* tersebut berdasarkan keluasan ilmu pengetahuan dan pengendalian yang berhikmah serta tahap kesabaran yang tinggi (al-Ghazali, 2003:71).

Ketiga, *Melazimi amalan kebaikan*. Membentuk keperibadian insan adalah melakukan amal kebaikan secara konsisten dan berterusan. Setelah melakukan *mujahadah*, ia perlu disusuli dengan melakukan kebaikan secara berterusan agar ia membentuk suatu kebiasaan yang akhirnya menjadi tabiat kehidupannya. Asas kepada aspek ini adalah melakukan ibadah khusus seperti solat, puasa, zakat, dan haji; di samping melakukan kebaikan terhadap sesama manusia, alam, dan haiwan (al-Ghazali, 2003:77).

Solat mampu menyediakan diri secara teratur dalam tempoh tertentu untuk ditunaikan. Puasa melahirkan jiwa yang luhur, yang dibentuk dan dilentur sepanjang sebulan bagi menghadapi cabaran bulan-bulan seterusnya. Haji pula adalah klimaks kepada pembentukan rohani dan pengorbanan manifestasi kepada ibadah yang dilakukan secara kekal (al-Ghazali, 2003:77).

Imam al-Ghazali menegaskan bahawa langkah utama dalam menggerakkan potensi ini adalah menanamkan kecintaan kepada Allah SWT (*Subhanahu Wa-Ta'ala*) dalam jiwa manusia. Dengan erti kata lain, keghairahan untuk melakukan kebaikan adalah atas dorongan dan

rangsangan, kerana ingin mendapatkan keredaan Allah SWT semata-mata. Justeru, setiap insan akan sentiasa bermotivasi untuk melakukan kebaikan, sama ada amalan zahir atau sembunyi. Ia meyakini dan menghayati bahawa Allah SWT memiliki sifat-sifat kesempurnaan yang sentiasa mengawasi pergerakan dan perlakuan semua makhluk-Nya (al-Ghazali, 2003:77-78).

Keempat, Membuat sesuatu yang bertentangan dengan akhlak yang buruk. Membuat sesuatu yang bertentangan dengan akhlak yang buruk adalah seperti bersikap sabar daripada sifat marah, amanah daripada khianat, syukur daripada sompong, pemurah daripada kedekut, bodoh daripada belajar, malas daripada rajin, dan lain-lain lagi (al-Ghazali, 2003:77-78).

Kelima, *Muraqabatullah* atau Pengawasan diri terhadap Allah SWT. Imam al-Ghazali menyatakan bahawa *muraqabatullah* adalah merasakan diri diawasi oleh zat yang menjaga dirinya dan menumpukan perhatian yang bersungguh-sungguh kepada-Nya (al-Ghazali 2003:495). *Muraqabatullah* memberi kesan yang positif kepada pembangunan akhlak. Ini kerana ia adalah salah satu cara yang efektif untuk seseorang individu sentiasa mengingati Allah SWT dalam setiap perkara, sama ada bersifat fizikal, cara berfikir, perasaan, atau jiwa. Ia merangsang jiwa agar sentiasa waspada kerana Allah Maha Memerhati, Maha Melihat, dan Maha Mengetahui segala rahsia yang tidak dapat dijangkau oleh pandangan kasar manusia atau bisikan hati yang tersimpan dalam dada manusia (al-Ghazali, 2003:496).

ANALISIS DAPATAN KAJIAN BAGI APLIKASI KAEDAH PEMBANGUNAN AKHLAK DI SEKOLAH-SEKOLAH AGAMA DI KEDAH

Secara keseluruhannya, dapat dirumuskan jawapan responden dalam bentuk skor min dan sisihan piawai seperti di bawah. Analisa skor min dan sisihan piawai dipersembahkan dalam bentuk jadual dan dianalisis mengikut tahap interpretasi, seperti yang dirumuskan oleh J.C. Nunally (1978), seperti berikut:

Jadual 1:
Interpretasi Tahap Skor Min

Skor Min	Interpretasi
4.01 – 5.00	Tinggi
3.01 – 4.00	Sederhana Tinggi
2.01 – 3.00	Sederhana Rendah
1.00 – 2.00	Rendah

Dapatan kajian seperti yang diilustrasikan dalam jadual 2 menunjukkan bahawa kaedah pembangunan akhlak menurut Imam al-Ghazali memang diguna-pakai dan diamalkan oleh para pendidik dalam program-program tarbiah sekolah-sekolah menengah aliran agama di Negeri Kedah, Malaysia.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa kaedah melazimi amalan kebaikan telah mendapat skor min yang tertinggi, iaitu sebanyak 4.56, diikuti membuat sesuatu yang bertentangan dengan akhlak yang buruk sebanyak 4.35. Seterusnya, muraqabatullah iaitu anjuran pendidik supaya remaja merasakan dirinya diawasi oleh Allah SWT (*Subhanahu Wa-Ta'ala*) sebanyak 4.22. Diikuti *tazkiyyah al-nafs*, iaitu anjuran pendidik supaya remaja membersihkan hati dari *mazmumah* (sifat buruk dan keji) sebanyak 4.03, dan yang terakhir adalah *mujahadah* iaitu anjuran pendidik supaya remaja melawan hawa nafsu sebanyak 3.91. Jika disusun mengikut turutan bagi dapatan kajian, keputusannya adalah seperti berikut:

Jadual 2:
Rumusan Aplikasi Kaedah Pembangunan Akhlak

Nilai Kekerapan	Aplikasi Kaedah Pembangunan Akhlak	Skor Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
1	Melazimi amalan kebaikan, anjuran sentiasa melakukan amal kebaikan.	4.56	.673	Tinggi
2	Membuat sesuatu yang bertentangan dengan akhlak yang buruk.	4.35	.761	Tinggi
3	<i>Muraqabatullah</i> , anjuran merasakan diri diawasi oleh Allah SWT.	4.22	.927	Tinggi
4	<i>Tazkiyyah al-nafs</i> , anjuran pembersihan hati dari <i>mazmumah</i> .	4.03	.975	Tinggi
5	<i>Mujahadah</i> , anjuran melawan hawa nafsu.	3.91	.997	Sederhana Tinggi
Purata Min Keseluruhan		4.21		Tinggi

N = 602.

(Sumber: Borang Soal Selidik Institusi Surau Sekolah dalam Pembangunan Akhlak Remaja, 2011)

RUMUSAN DAN CADANGAN

Hasil kajian dapat dirumuskan bahawa kaedah pembangunan akhlak, menurut Imam al-Ghazali, memang sangat relevan dan sangat signifikan untuk diguna-pakai dalam proses pentarbiahan anak-anak. Hampir semua

kaedah yang disarankan telah diaplikasikan dan mendapat skor yang tinggi kecuali *mujahadah*, iaitu anjuran melawan hawa nafsu hanya 3.91 pada tahap sederhana tinggi. Ini mungkin kerana sekolah-sekolah tersebut lebih cenderung menggunakan kaedah-kaedah yang lain.

Akhhlak merupakan tujuan akhir pendidikan Islam. Malah, Nabi Muhammad Rasulullah SAW (*Salallahu 'Alaihi Wassalam*) diutus ke muka bumi dengan misi untuk menyempurnakan akhlak yang mulia. Oleh itu, penanaman akhlak kepada anak-anak pada usia masih kecil dan diteruskan sehingga ke usia remaja amat penting bagi menyediakan mereka tugas menggalas tanggung jawab sebagai khalifah di muka bumi ini.

Isu pendidikan akhlak amat penting dan tidak boleh dipandang remeh. Islam telah menggariskan kaedah-kaedah tertentu untuk mendidik anak, bermula dari pemilihan calon isteri dengan ditetapkan kriteria-kriteria atau pakej tertentu untuk menjadikannya isteri, sekaligus bakal ibu yang solehah. Ulamak terdahulu pula telah memudahkan lagi dengan menggariskan dasar dan kaedah pendidikan dalam kitab-kitab *muktabar* mereka yang boleh dijadikan rujukan sehingga ke hari ini.

Sepatutnya ibu bapa dan guru perlu bersatu-padu dalam dunia pendidikan. Gandingan pendidikan ibu bapa di rumah dan guru di sekolah serta kuliah para alim ulamak di masjid dan surau pasti akan melahirkan anak yang mantap dan teguh, sama ada dalam hal iman, fizikal, intelektual, emosi, mahupun mentalnya. Ibu bapa juga perlu memperkasakan diri dengan ilmu keibu-bapaan, kerana tugas mendidik anak bukan sekadar memberinya makan, minum, pakaian, dan pelajaran, malah lebih dari itu.


Pemerintah sentiasa mereformasi sistem pendidikan dengan menjulang tinggi matlamat pembentukan akhlak dan sahsiah pelajar dalam setiap misi dan visinya. Masyarakat pula berasa bertanggung jawab dalam mendidik generasi muda dengan memberi teguran, nasihat, dan bimbingan.

Bibliografi

- Abu Sway, Mustafa. (1996). *Al-Ghazzaliyy: A Study in Islamic Epistemology*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Akram Dahaman @ Dahlan, Mohd & Amani Dahaman @ Dahlan. (2009). “Pembangunan Modal Insan dalam Perspektif Islam: Keseimbangan Antara Originality dan Kontinuiti”. *Kertas kerja* dibentang dalam Seminar Pembangunan Modal Insan yang dianjurkan oleh Kolej Teknologi Darulnaim (KTD) Kelantan, Malaysia, pada tarikh 23-24 Mac.

- al-Badawi, Abd al-Rahman. (1961). *Muallafat al-Ghazali*. Kaherah: Dar al-Qalam.
- al-Ghazali, Abu Hamid Muhammed bin Muhammad Imam. (2003). *Ihya' Ulum ad-Din*, Jilid 2 dan 4. Kaherah: Maktabah as-Safa, cetakan ke-1 [baru].
- Al-Jurjani. (2000). *Al-Ta'rifat*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- al-Qaradhawi, Yusuf. (1993). *Malamih al-Mujtama 'al-Muslim al-Lazi Nunsyiduhu*. Al-Qahirah: Maktabah Wahbah, cetakan ke-1.
- al-Quasem, Muhammad Abul. (1975). *The Ethics of al-Ghazali: A Composite Ethics in Islam with a Foreword by Montgomery Watt*. Petaling Jaya: Central Printing.
- al-Sajisstani, Abu Dawud Sulayman Ibn al-Ash'ath. (1996). *Sunan Abu Dawud*. Riyad: Maktabah al-Ma'arif, nombor Hadis 4682.
- al-Subki, Taj al-Din Abi Nasr 'Abd al-Wahhab bin Ali bin Abd al-Kafi. (1992). *Tabaqat al-Shafi'iyyah al-Kubra*. Beirut: Dar al-Nashr.
- al-Syami, Salih Ahmad. (2004). *Biografi Imam al-Ghazali: Hujjatul Islam dan Pembaru Kurun ke-5*. Kuala Lumpur: Jasmin Enterprise, Terjemahan Ariffin bin Ladari.
- Ansari, F.R. (1983). "Tazkiyah: The Role of the Prophet" dalam *Islamic Order*, Vol. 5, No.4.
- Awang, Ramli. (2003). *Falsafah Sains dan Pembangunan ke Arah Dimensi Baru*. Skudai, Johor: Penerbit UTM [Universiti Teknologi Malaysia].
- Aziz, Azmi & Wan Ramli Wan Muhamad. (2002). *Tokoh Falsafah Dunia: Reformis Dunia*. Kuala Lumpur: Utusan Publications, cetakan ke-1.
- BPIKPM [Bahagian Pendidikan Islam Kementerian Pelajaran Malaysia]. (1990). *Surat Pekeling*. Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- BPSBPSK [Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh dan Sekolah Kecemerlangan]. (2011). *Sekolah Berasrama Penuh Integrasi di Malaysia*. Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Brill, E.J. (1987). *First Encyclopaedia of Islam*. New York: Leiden.
- Fahmy Zarkasyi, Hamid. (1990). *Pemikiran Al-Ghazali tentang Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Fauzi Hamat, Mohd. (2005). *Ketokohan Al-Ghazzali dalam Bidang Logik*. Kuala Lumpur: Penerbit UM [Universiti Malaya].
- Hanin Hamjah, Salasiah. (2010). "Kaedah Mengatasi Kebimbangan dalam Kaunseling: Analisis dari Perspektif Al-Ghazali" dalam *Jurnal Hadhari*, 3(1). Bangi: Penerbit UKM [Universiti Kebangsaan Malaysia], ms.41-57.
- Ibn al-Jawzi, Abu al-Farj Abd Rahman bin 'Ali bin Muhammad. (1992). *Al-Muntazam fi Tarikh al-Muluk wa al-Umam*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah.
- Ibn Khallikan, Ahmad bin Muhammad bin Abi Bakr. (1994). *Wafayat al-A'yan wa Anba' Abna' al-Zaman*, Jilid 1. Beirut: Dar al-Sadir.
- Khalif, Fathullah. (1974). *Ibn Sina wa Madhhabuhu fi al-Nafs*. Beirut: Jamiah Beirut al-'Arabiah.
- Khalili Shamsuddin, Azlan. (1992). *Al-Ghazali dan Konsep al-Nur*. Kuala Lumpur: Utusan Publications dan Distribution.
- KPM [Kementerian Pendidikan Malaysia]. (1996). *Buku Laporan Kajian Status SMAR*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Nunally, J.C. (1978). *Psychometric Theory*. New York: Mc Graw Hill Publication Company.
- Sa'id ibn Qasim, Muhammad Jamaluddin ibn Muhammad. (1995). *Mau'izhat al-Mukminin Min Ihya' Ulum al-Din*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah, ms.433-438.
- Smith, M. (1983). *Al-Ghazali: The Mystic*. Lahore: Hijra International Publishers.
- Suhid, Asmawati. (2009). *Pendidikan Akhlak dan Adab Islam: Konsep dan Amalan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications dan Distribution, cetakan ke-1.

- Umar, Azizi & Supyan Hussin. (2007). "Kekangan Kurikulum Diniah dalam Polisi Pendidikan Kebangsaan Selepas Kemerdekaan: Suatu Tinjauan Awal di Sekolah Agama Rakyat" dalam Mazlan Ibrahim & Kamarudin Salleh [eds]. *Islam Pasca Kemerdekaan*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd., ms.25-40.
- Watt, Montgomery. (1963). *Muslim Intellectual: A study of Al-Ghazali*. Edinburgh: Edinburgh University Press.
- www.bpsbpsk.webs.com/sekolahberasramapenuh.html [laman sesawang Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh dan Sekolah Kecemerlangan, dilayari di Kuala Lumpur, Malaysia: 25 Januari 2012].
- www.pemudaumno.org.my/modules.php?name=News&file=article&sid=2391 [laman sesawang Pemuda UMNO, United Malays National Organization, dilayari di Kuala Lumpur, Malaysia: 25 Januari 2012].
- Yahaya, Faridah. (1997). "Keberkesanan Pengurusan Sekolah Agama Rakyat Daerah Kuala Muda, Yan Kedah". *Disertasi Doktor Tidak Diterbitkan*. Sintok, Kedah: Sekolah Pascasiswazah UUM [Universiti Utara Malaysia].
- Zainal, Khalim & Wan Zulkifli Wan Hasan. (2009). "Pendekatan Islam dalam Menangani Masalah Disiplin Tegar: Satu Kajian Kes" dalam *Jurnal of Islamic and Arabic Education*, 1, ms.1-14.
- Zarrina Sa'ari, Che. (2007). "Peranan Penyucian Jiwa (*Tazkiyah Al-Anfus*) Terhadap Pembangunan Insan dalam Masyarakat Bertamadun". *Kertas kerja dibentang dalam Seminar Tasawuf Negeri Sembilan Tahun 2007: Tarbiyah Ruhiyah sebagai Asas Kesatuan Ummah* oleh Jabatan Mufti Negeri Sembilan Darul Khusus, Malaysia, pada 22 Disember.



Gambar Imam al-Ghazali dan Murid-murid Sekolah Agama di Malaysia
(Sumber: www.google.com, 20/5/2012)

Kaedah pembangunan akhlak, menurut Imam al-Ghazali, memang sangat relevan dan sangat signifikan untuk diguna-pakai dalam proses pentarbiyan anak-anak. Hampir semua kaedah yang disarankan telah diaplikasikan dalam sekolah-sekolah agama di Kedah, Malaysia.